


Soalan yang berikut berdasarkan petikan cerpen di bawah ini.



Hisyam senyum tetapi senyumannya kelihatan payah.
"Kenapa Syam serahkan jawatan pengurus tu pada kakak?"
"Kakak dah berhenti dengan bank tu."
"Habis kamu?"
"Saya nak bawa teksi. Itu yang menyara hidup saya selama ini. Lagipun ..."
"Lagipun apa?"
"Saya dah sebat dengan teksi kak. Sehari tak memandu rasa rimas saja."
"Habis, syarikat ini kamu serahkan bulat-bulat pada kakak?"
"Ya, kak. Kakak ada pengalaman tentang menjaga wang."
"Kalau kakak salah guna wang?"
"Saya percayakan kakak macam saya percayakan mak."
"Takkan kamu tak nak ambil tahu langsung tentang syarikat ni nanti?"
"Kakak boleh beritahu saya apa-apa yang kakak nak bincangkan. Tapi saya tetap setuju saja apa-apa keputusan kakak."
"Begitu hatimu, Syam?"
"Saya adik kakak. Pelajaran saya tak tinggi. Itu salah saya dulu. Mujurlah saya ada kakak. Boleh saya tumpang senang dengan harta yang ayah tinggalkan walaupun hanya sekeping tanah."
"Kalau dah kamu kata begitu, kakak ambil tanggungjawab menjaga syarikat kita. Tapi kamu jangan lepas tangan begitu saja."
"Baik, kak."

Dipetik daripada cerpen 'Sekeping Tanah',
antologi *Sejadah Rindu*, Tingkatan 3
Kementerian Pendidikan Malaysia

- 1.(1) Yang berikut merupakan sebab Hisyam menyerahkan jawatan pengurus syarikat kepada kakaknya, kecuali...

- ☐ A Hisyam mahu terus membawa teksi.
- ☐ B kakaknya sudah berhenti kerja dari bank.
- ☐ C Hisyam tidak mahu menyusahkan kakaknya.
- ☐ D kakaknya biasa menguruskan hal yang berkaitan dengan wang.

- 2.(2) Yang manakah antara yang berikut **bukan** perwatakan Hisyam?


- ☐ A Jujur
- ☐ B Patuh
- ☐ C Merendah diri
- ☐ D Bersemangat kental

- 3.(3) Apakah nilai yang terdapat dalam petikan cerpen ini?

- ☐ A Kepercayaan
- ☐ B Kemesraan
- ☐ C Ketabahan
- ☐ D Ketekunan

- 4.(4) Cerpen "Sekeping Tanah" membawa tema...

- ☐ A kepatuhan pada ahli keluarga yang lebih tua.
- ☐ B kebijaksanaan mengendalikan syarikat milik keluarga.
- ☐ C pengorbanan kakak terhadap keluarganya setelah kematian ibu bapa.
- ☐ D konflik adik-beradik dalam usaha mempertahankan harta pusaka warisan keluarga.



Pihak Google telah banyak menyediakan perkhidmatan dalam talian secara percuma. Antaranya termasuklah *Gmail*, *Drive*, dan *Docs*. Sebagai murid, kita haruslah memanfaatkan perkhidmatan yang ditawarkan ini.

Secara kebiasaannya, apabila mencipta akaun Google, kita akan diberi pilihan untuk memilih alamat e-mel. Perkhidmatan *Gmail* daripada Google boleh digunakan untuk menghantar dan menerima e-mel dengan cepatnya. Oleh sebab e-mel sesuai untuk teks yang panjang, murid-murid boleh berhubung dengan guru-guru berkaitan dengan pelajaran dengan mudahnya.

Selain itu, *Google Calendar* juga merupakan perkhidmatan percuma yang ditawarkan oleh Google. Murid-murid boleh menyusun jadual harian, janji temu, dan mencatat tarikh-tarikh yang penting. *Google Calendar* dapat diselaraskan pada peranti Android. Penggunaan *Google Calendar* akan membolehkan murid menjadi individu yang lebih teratur dan produktif. Di samping itu, murid-murid dapat menggunakan *Google Docs*, *Slides*, dan *Sheets* untuk menyiapkan kerja kursus. *Docs* ialah perisian pemprosesan perkataan manakala *Slides* ialah perisian persembahan. *Sheets* pula merupakan perisian hamparan kerja. Kesemua perisian ini bersifat dalam talian dan tidak dimuat turun pada komputer.

Sementara itu, *Google Drive* ialah perkhidmatan storan data secara dalam talian dengan ruang storan sebanyak 15GB percuma. Murid-murid boleh menyimpan dokumen, foto, video, dan pelbagai data lain dengan menggunakan *Google Drive*. Semua perkhidmatan aplikasi Google ini dapat diakses secara percuma menggunakan pelayar web di komputer.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana
'Memanfaatkan Perkhidmatan Aplikasi Google',
oleh Abdul Quayyum Mohamad Nasri, *Dewan Siswa Bil. 2/2019*

5.(1) Semua yang berikut merupakan keistimewaan perkhidmatan *Gmail*, **kecuali**...

- ☐ A sesuai untuk teks yang pendek.
- ☐ B sesuai untuk teks yang panjang.
- ☐ C menerima e-mel dengan cepatnya.
- ☐ D menghantar e-mel dengan cepatnya.

6.(2) Apakah kesan positif apabila murid menggunakan *Google Calendar*?

- ☐ A Murid menjadi individu yang lebih pantas.
- ☐ B Murid dapat berhubung dengan orang lain.
- ☐ C Murid dapat menyiapkan tugas dengan pantas.
- ☐ D Murid menjadi individu yang lebih teratur dan produktif.

7.(3) Kelebihan menggunakan *Google Drive* ialah...

- ☐ A dapat berhubung dengan guru-guru.
- ☐ B dapat menyiapkan sesuatu kerja kursus.
- ☐ C dapat mencatat tarikh-tarikh yang penting.
- ☐ D dapat menyimpan dokumen, foto, video, dan pelbagai data lain.

8.(4) Keistimewaan menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Google ialah...

- ☐ A bersifat dalam talian.
- ☐ B perlu mempunyai Internet.
- ☐ C dapat diakses secara percuma.
- ☐ D perlu dimuat turun pada komputer.



PESAN IBU BERIBU-RIBU

Kita ada ibu
ibu kita satu
pesanannya beribu-ribu.

Setiap langkah kita diiringi pesanan ibu
"Buat begini jangan begitu
bacalah buku selalu
kukuhkan diri dengan ilmu
pilihlah kawan yang mulia hati
tolaklah kawan pementing diri
pilihlah kawan yang punya petunjuk
tolaklah kawan bertabiat buruk."
Ibu yang satu menyekat kita di pintu
bertanya ke mana arah tuju
"Jagalah diri selalu
di luar sana mungkin bencana menunggu."
Kita menjadi jemu
mendengar pesanan beribu-ribu
tapi ibu tetap ibu
pesanan bertambah satu dan satu
"Jangan dibiar kepala berkutu
carilah ubat jerawat batu."

Suatu senja
seorang temanku merintih
kerana kehilangan kekasih
kini baru disedarinya
pilihan musang berbulu arnab
biarpun menyamar cekap
ada masa termasuk perangkap
Si Bedul sudah ditangkap
Si Bedul di dalam lokap.

Dia menyatakan kesalnya
kerana dia alpa
ibunya berpesan sejak dulu
"Pilihlah kawan yang bermutu
Jangan dipilih kawan berhantu."
Mengenangkan nasib temanku itu
aku merindui pesanan ibu.
Ya, pesanan ibu.

Ibu,
kuyakini kau mengenali
yang mana permata, yang mana kaca
yang mana budaya, yang mana buaya
berilah pesanan beribu-ribu
malah berpuluh ribu
aku tidak akan jemu
ini janjiku kerana aku tahu
sempurna seorang ibu
dengan pesanan beribu-ribu.

Dipetik daripada antologi,
Bintang Hati, Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia

9.(1) Mengapakah ibu berpesan kepada anaknya supaya menjauhi kawan yang bertabiat buruk?

- ☐ A Ibu prihatin akan keadaan kawan anaknya itu.
- ☐ B Ibu sedar bahawa anaknya sangat penting dalam hidupnya.
- ☐ C Ibu yakin bahawa anaknya dapat membezakan baik dan buruk sesuatu perkara.
- ☐ D Ibu bimbang kawan tersebut akan mempengaruhi anaknya supaya melakukan perkara yang negatif.

10.(2) Yang berikut merupakan cara untuk mengelakkan diri daripada diperdaya oleh orang **kecuali**...

- ☐ A sentiasa berhati-hati.
- ☐ B melengkapkan diri dengan ilmu.
- ☐ C menetapkan matlamat untuk berjaya.
- ☐ D membuat pertimbangan yang sewajarnya.

11.(3)

kerana kehilangan kekasih

Perulangan konsonan **k** dalam baris sajak di atas merupakan contoh bagi...

- ☐ A repetisi.
- ☐ B aliterasi.
- ☐ C responsi.
- ☐ D asonansi.

12.(4) Apakah pengajaran yang terdapat dalam **rangkap terakhir** sajak?

- ☐ A Kita haruslah prihatin akan keadaan ibu kita.
- ☐ B Kita mestilah menyayangi ibu kita dengan sepenuh hati.
- ☐ C Kita patutlah bijak menyelesaikan segala masalah yang datang.
- ☐ D Kita hendaklah sedar bahawa ibu lebih arif dalam menilai perkara yang baik dan yang buruk.



SYAIR BURUNG NURI

Bermula warkah surat rencana,
Ikatan fakir yang sangat hina,
Sajak dan nazam banyak tak kena,
Daripada pendapat kurang sempurna.

Gerangan sungguh amatlah leta,
Perinya akal gelap-gelita,
Hemat pun rendah daif berserta,
Tambahan badan miskin dan nista.

Beribu ampun kiranya tuan,
Atasnya hulu fakir nistawan,
Daripada masyghul gundah merawan,
Terperilah madah patik nin tuan.

Ditulisiskan sahifah supaya nyata,
Barang yang ghairah di dalam cinta,
Terfikir-fikir bukan menderita,
Dakwat dan kertas tempat berkata.

Sudahlah nasib untung yang malang,
Mengambah lautan berulang-ulang,
Mudaratnya bukan lagi kepalang,
Senantiasa di dalam nasib dan walang.

Hanyutlah badan ke sana ke mari,
Segenap pesisir desa negeri,
Bertambahlah pula sopan dan negeri,
Santap nan tidak minum pun kari.

Bangun terjunun badan suatu,
Gundahlah fikir tiada tertentu,
Laksana cermin jatuh ke batu,
Remuk dan redam hancur di situ.

Remuk dan redam rasanya hati,
Lenyaplah fikir budi pekerti,
Jikalau kiranya hamba turuti,
Daripada hidup sebaiknya mati.

Dipetik daripada antologi,
Bintang Hati, Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia

13.(1) Yang berikut merupakan ciri-ciri seseorang itu dianggap hina, **kecuali**...

- ☐ A tidak berakal.
- ☐ B bersikap kurang sopan.
- ☐ C melakukan pembaziran.
- ☐ D hidup dalam keadaan miskin.

14.(2) Cadangan yang diberikan oleh penyair kepada pasangan yang bercinta ialah...

- ☐ A mempercepat ikatan perkahwinan.
- ☐ B menjadikan surat sebagai saluran meluahkan perasaan.
- ☐ C mendapatkan restu daripada ibu bapa sebelum berkahwin.
- ☐ D menceritakan masalah yang dihadapi kepada orang yang dipercayai.

15.(3) Apakah contoh bagi gaya bahasa simile?

- ☐ A Perinya akal gelap-gelita
- ☐ B Beribu ampun kiranya tuan
- ☐ C Laksana cermin jatuh ke batu
- ☐ D Dakwat dan kertas tempat berkata

16.(4) Pilih pengajaran yang **tidak** terdapat dalam syair ini.

- ☐ A Kita mestilah ikhlas ketika berkawan.
- ☐ B Kita haruslah bersikap merendah diri.
- ☐ C Kita haruslah tidak bertindak mengikut kata hati.
- ☐ D Kita mestilah insaf atas kesalahan yang dilakukan.

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

"Parjo, kita ada projek baharu semester ini," kata Profesor Haidar ketika kami berada di makmal, sebaik-baik sahaja semester bermula. Entah mengapa Profesor Haidar menyebut namaku, tidak rakan-rakan sekuliahku. Barangkali kerana aku menunjukkan minat yang mendalam terhadap kajian-kajiannya sebelum ini.

"Projek apa, Prof.?" tanyaku sebagai memberikan respons terhadap pensyarah yang berjambang lebat itu.

"Projek tapai ubi!" spontan sahaja jawapan Profesor Haidar.

"Haahhhh...?!!" aku terkejut amat. Jeritan kecil itu membangkitkan kehairanan rakan-rakan. Ada yang tergelak kecil melihat telatahku. Mereka tidak tahu latar belakang aku. Mereka tidak tahu hubungan aku dengan tapai.

"Ya, projek tapai ubi. Kenapa?" tanya Profesor Haidar apabila melihat aku seperti terkejut besar akan kata-katanya tadi.

Aku tidak menjawab. Fikiranku melayang ke zaman kanak-kanak. Teringat aku akan bapa dan emak yang masih membuat tapai ubi hingga kini. Barangkali bapa sedang mencabut ubi ketika ini. Atau barangkali emak sedang melumatkan ragi pagi ini. Alangkah sukarnya mereka kini kerana tiada pembantu. Dalam usia setua mereka, emak dan bapa masih gigih mengusahakan perniagaan tapai ubi mereka. Aku kagum dengan kegigihan itu.

"Apa hubungan tapai ubi dengan bidang perubatan, Prof.?" tanyaku, apabila fikiranku tenang sedikit.

"Ada penemuan yang membuktikan bahawa tapai ubi dapat membantu mengurangkan serangan kanser. Jadi kita perlu membuat kajian sama ada penemuan tersebut benar atau sebaliknya," jelas Profesor Haidar dengan yakin.

Dipetik daripada cerpen "Legasi Tapai Ubi",
antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia

17.(1) Mengapakah Parjo terkejut apabila dimaklumkan oleh Profesor Haidar tentang projek baharu semester ini?

- ☐ A Kerana projek tersebut berkaitan dengan tapai ubi yang menjadi latar belakangnya
- ☐ B Kerana Profesor Haidar mengetahui latar belakangnya yang berkaitan dengan tapai ubi
- ☐ C Kerana Profesor Haidar memberitahu tentang projek baharu tersebut kepada Parjo terlebih dahulu
- ☐ D Kerana ada penemuan yang membuktikan bahawa tapai ubi dapat membantu mengurangkan serangan kanser

18.(2) Parjo kagum akan kegigihan ibu bapanya kerana...

- ☐ A mereka masih membuat tapai ubi hingga kini.
- ☐ B mereka bekerja sendiri tanpa memerlukan pembantu.
- ☐ C mereka masih gigih mengusahakan perniagaan tapai ubi.
- ☐ D mereka mampu menanggung pengajiannya di universiti hingga kini.

19.(3) Apakah persoalan yang terdapat dalam petikan cerpen ini?

- ☐ A Kepatuhan kepada ibu bapa.
- ☐ B Kegigihan ibu bapa untuk mencari rezeki.
- ☐ C Sumbangan untuk mengubati penyakit kanser.
- ☐ D Pengorbanan ibu bapa untuk membesarkan anak-anak.

20.(4) Latar masyarakat yang **tidak** terdapat dalam keseluruhan cerpen ini ialah...

- ☐ A masyarakat yang mengenang jasa ibu bapa.
- ☐ B masyarakat yang tamak merebut peluang perniagaan.
- ☐ C masyarakat yang gigih berusaha untuk mencari rezeki.
- ☐ D masyarakat peniaga yang bijak meluaskan perniagaan.